

# MB Kedah: Syed Razak temui PM <sup>39</sup> di Putrajaya

UM - 7 DEC 1999

Oleh NIZAM HAMID

PUTRAJAYA 6 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain hari ini mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, sekali gus menguatkan spekulasi bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Beliau dilihat memasuki pejabat Perdana Menteri pagi ini.

Bekas Exco kanan kerajaan negeri Kedah itu ketika dihubungi bagaimanapun cuba meredakan spekulasi itu.

Katanya, desas-desus mengenai perkara itu hanya diketahui melalui akhbar sebaik sahaja Tan Sri Sanusi Junid memutuskan untuk tidak menerima tawaran menjadi Menteri Besar.

“Orang sahaja yang bercakap tentang perkara itu tetapi setakat ini saya tidak tahu apa-apa,” katanya ketika dihubungi.

Bekas Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) Cawangan Kedah itu memberitahu pemberita, beliau belum menerima sebarang surat atau arahan untuk berjumpa dengan Dr. Mahathir.

Syed Razak, 55, merupakan antara tiga nama yang disebut-sebut bakal Menteri Besar Kedah selain Ahli Dewan

■ Lihat muka 4

## MB Kedah: Syed Razak temui PM di Putrajaya

UM - 7 DEC 1999

Undangan Negeri kawasan Jitra, Prof. Datuk Dr. Osman Ishak dan Ahli Dewan Undangan kawasan Negeri Tanjung Seri, Fadzil Hanafi.

Teka-teki mengenai bakal Menteri Besar timbul selepas Sanusi mengumumkan beliau tidak mahu menjadi Menteri Besar kerana bertanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional (BN) Kedah dalam pilihan raya umum lalu.

Walaupun berjaya membentuk kerajaan negeri dengan

memenangi 24 kerusi Dewan Undangan Negeri, BN terpaksa melepaskan lapan daripada 15 kerusi Parlimen dan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri kepada Pas.

Syed Razak merupakan antara orang yang paling kanan dalam Exco kerajaan negeri Kedah kerana telah memegang jawatan itu sejak tahun 1992.

Beliau menjadi wakil rakyat pada tahun 1986 setelah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kundur sebelum beralih ke Kubang Rotan.